



## *Siaran Akhbar*

### **DEWAN KOMUNITI BAHARU DI BANDAR SRI SENDAYAN**

---

**Seremban, Negeri Sembilan, (11 Januari 2024)** – Komuniti di Bandar Sri Sendayan, daerah Seremban di Negeri Sembilan bakal berubah wajah menerusi pembinaan dewan masyarakat baharu yang dianggarkan bernilai RM2 juta.

Matrix Concepts Holdings Berhad menyalurkan dana sumbangan sebanyak RM1 juta bagi projek rakyat iaitu pembinaan dewan komuniti. Pada majlis hari ini, Kumpulan Matrix Concepts dengan hasil kerjasama Majlis Bandaraya Seremban akan menyalurkan RM500 ribu bagi fasa pertama tahun ini dan jumlah selebihnya akan disalurkan pada tahun 2025 kepada pihak Majlis Bandaraya Seremban bagi perlaksanaan projek pembinaan dewan komuniti itu.

Menurut Pengurus Kumpulan Matrix Concepts Holdings Berhad, Dato Haji Mohamad Haslah bin Mohamad Amin, pembinaan dewan itu akan dibina di tapak sebesar 2 ekar berhampiran Klinik Kesihatan Bandar Sri Sendayan.

Katanya, selain sesuai untuk aktiviti ekonomi penduduk setempat, pembinaan dewan terbabit mampu menyatukan masyarakat menerusi pelaksanaan pelbagai majlis keramaian dan aktiviti sosial.

“Pembinaan dewan komuniti yang dijangka siap pada tahun 2026 itu bukan sekadar satu projek namun melambangkan usaha bersama dengan kerajaan negeri untuk mendukung inisiatif pembangunan infrastruktur.

Penyediaan kemudahan fasiliti yang bakal disediakan dapat memberikan manfaat bagi masyarakat setempat serta mencipta ruang yang kondusif untuk pelbagai kegiatan sosial dan budaya. Kepada penduduk-penduduk di Bandar Sri Sendayan, anggaplah ini adalah Dewan kita, Rumah kita dan Masa depan kita,” katanya ketika di Majlis Penyerahan Dana Sumbangan pada petang ini.



Beliau turut menyatakan selain melaksanakan tanggungjawab sosial korporat syarikat, kemudahan dewan komuniti itu turut mendukung aspirasi Kumpulan Matrix Concepts untuk menjadikan kawasan Bandar Sri Sendayan sebagai sebuah hub komuniti bagi penduduk persekitarannya.

Sehubungan itu, beliau berharap dengan adanya dewan berkenaan ia akan dapat merealisasikan impian penduduk untuk mempunyai kemudahan yang mampu melonjakkan ekonomi dan mewujudkan keharmonian dalam kalangan komuniti.

Sebelum ini, peruntukan untuk projek itu telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Seremban bernilai RM2 juta bagi memenuhi keperluan hampir 40 persatuan penduduk-penduduk dengan populasi seramai 50,000 isi rumah di sekitar Bandar Sri Sendayan.

Majlis ini turut dihadiri oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Dato Mohd Zahir bin Ibrahim, Timbalan Setiausaha Kerajaan Pembangunan dan Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sembilan, Dato Muhamad Nahar bin Haji Mohd Sidek, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban, Dato Masri bin Haji Razali, Majlis Permuafakatan Pengerusi-pengerusi Persatuan Penduduk di Bandar Sri Sendayan dan Pengerusi-pengerusi Persatuan Penduduk taman-taman di Bandar Sri Sendayan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Matrix Concepts [www.mchb.com.my](http://www.mchb.com.my) atau hubungi talian Matrix Concepts 1 800 88 2688.

----- Tamat -----

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

**Anthea Yap**  
Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam  
Alamat Emel : [anthea.yap@mchb.com.my](mailto:anthea.yap@mchb.com.my)